



## **AKADEMI KEPOLISIAN UiTM-PDRM (AKP)**

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YBHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN**  
**SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASc**

**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM KESEDARAN**  
**KESELAMATAN AWAM 2024**

**DIRASMIKAN OLEH**  
**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN**  
**NASARAH**  
**TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI**

**09 JANUARI 2024 | SELASA | 12.30 TENGAH HARI**  
**ANJUNG SERI BUDIMAN, UiTM SHAH ALAM**

# **Terima kasih Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,  
Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

**SEGALA PUJI DAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH  
SUBHANAHUWATA`ALA, TUHAN SEKALIAN ALAM,  
SERTA SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN  
BESAR KITA, NABI MUHAMMAD SALLALLAHU  
ALAIHI WASALAM, KELUARGA DAN PARA SAHABAT  
BAGINDA.**

**Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin  
Nasarah  
Timbalan Menteri Dalam Negeri**

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan  
Che Rose  
Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM**

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili bin  
Shahibi  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM**

**Yang Dihormati Deputi Komisioner Dato' Azman bin Ayob**

Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Ibupejabat PDRM Bukit Aman

**Yang Dihormati Senior Asisten Komisioner Mohd. Padzli bin Mohd. Zain**

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM Selangor

**Superintenden Ramsay anak Embol**

Timbalan Ketua Polis Daerah Shah Alam

**DSP/KS Prof. Madya Dr. Mohammad Noor Bin Jalil**

Pengarah Akademi Kepolisian UiTM-PDRM

**DSP/PB Zakaria Ishak**

Ketua Polis Bantuan UiTM

**Dekan-Dekan dan Timbalan-Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar UiTM**

**Ketua-Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UiTM**

**Para pembentang simposium dari PDRM, ATM, NADMA, APM, MKN dan NACSA**

**Para Pegawai PDRM**

**Para Pegawai Kehormat Badan Beruniform UiTM**

## **Para Pegawai Polis Bantuan UiTM**

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izin-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam **Majlis Perasmian Simposium Kesedaran Keselamatan Awam 2024.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri di atas kesudian beliau untuk hadir dan menyempurnakan Majlis Perasmian Simposium ini.
3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan bin Che Rose – Penggerusi Lembaga Pengarah UiTM, Yang Dihormati DCP Dato' Azman bin Ayob – Timbalan

Pengarah Operasi Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM Bukit Aman, Yang Dihormati SAC Mohd. Padzli bin Mohd. Zain – Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM Selangor, Pegawai-Pegawai PDRM ke UiTM.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Saya mengambil kesempatan saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua peserta yang telah melibatkan diri dalam simposium ini, yang terdiri daripada para pelajar, staf UiTM serta para pembentang daripada agensi-agensi keselamatan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).
  
5. Simposium ini memberi peluang kepada kita semua untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan inovasi

dalam bidang keselamatan awam. Kesedaran terhadap keselamatan awam merupakan aspek yang penting dalam membangun masyarakat yang selamat dan berdaya tahan. Dalam dunia yang sentiasa berubah dan mencabar, penting bagi kita untuk terus memperkuuhkan dan mempertingkatkan kesedaran dan penyediaan dalam menghadapi cabaran keselamatan semasa.

6. Kesedaran keselamatan awam bukan sahaja melibatkan tanggungjawab pihak berkuasa dan agensi keselamatan, tetapi juga merupakan tanggungjawab bersama masyarakat. Setiap individu perlu memainkan peranan dalam menyumbang kepada keselamatan komuniti dalam negara kita.
7. Oleh yang demikian, UiTM melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang diterajui oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Haji Mohd. Sazili Shahibi selaku Timbalan Naib Canselor HEP, akan melancarkan Briged Sukarelawan UiTM bagi memenuhi aspirasi ini. Briged Sukarelawan ini

akan dianggotai oleh para pelajar UiTM. Akademi Kepolisian UiTM-PDRM pula akan dipertanggungjawabkan untuk mengurus Briged Sukarelawan Keselamatan khususnya dalam membantu pihak Polis Bantuan UiTM dalam mengawasi keselamatan di kampus-kampus UiTM.

8. Melalui perkongsian pandangan dan idea di dalam simposium ini, saya yakin kita dapat membentuk inisiatif dan strategi baru yang lebih efektif untuk meningkatkan kesedaran keselamatan awam di Malaysia. Kita perlu bersatu padu dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai tempat yang lebih selamat untuk semua.

9. Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah merealisasikan simposium ini menyertai simposium ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga kita semua dapat menjalin kerjasama yang erat dan terus berusaha untuk mencapai matlamat keselamatan awam yang lebih baik untuk masa depan yang lebih cemerlang.

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**